

PENANDA WACANA

A. Isikan tempat kosong di bawah dengan penanda wacana yang betul.

Lagipun, Biarpun demikian, meskipun, Sebaliknya, Bagaimanapun

1. Ibu menangis teresak-esak. _____, tangisannya reda setelah dipujuk oleh kakak.
2. Awang Sani gagal dalam perlumbaan itu. _____, dia tidak berputus asa.
3. Kami tidak berganjak dalam dewan _____ telah diarahkan pulang.
4. Pelajar itu tidak ke sekolah lagi. _____, dia melepak bersama kawan-kawannya di The Mall.
5. Ramai orang berbelanja di pasar raya itu kerana terdapat pelbagai jenis barang. _____, harganya murah.

B. Pilih penanda wacana yang paling tepat untuk melengkapkan ayat di bawah supaya maknanya betul dan benar.

1. Saya suka menonton dokumentari, _____ yang berkaitan dengan haiwan. (tambahan lagi, walaupun)
2. Luka di kaki budak itu terus berdarah. Setelah dibalut oleh jururawat itu, darahnya bukan berhenti, _____ mengalir lebih lebat, (namun, malahan)
3. Setiap pelajar mesti rajin mengulang kaji pelajarannya. _____, mereka juga harus mencuba soalan-soalan peperiksaan tahun lalu, (Oleh itu, Di samping itu)
4. Dia sudah tiga bulan berhenti merokok. _____, sekali-sekala, apabila melihat rakan-rakannya merokok, terasa ingin kembali dia hendak menghisapnya, (Namun, Walau bagaimanapun)
5. Pihak Kementerian Kesihatan di negara kita sering mengeluarkan panduan serta langkah-langka pencegahan jangkitan penyakit kronik kepada orang ramai dari semasa ke semasa. _____, masi agak ramai orang yang memandag sepi akan usaha ini. (Akhirnya, Walau bagaimanapun)

6. Mohamad Hasif kurang aktif dalam kokurikulum. _____, dia tidak terpilih sebagai murid cemerlang pada tahun ini. (Dengan itu, Malahan)
7. Kamu salin semua ayat yang cikgu tuliskan di papan putih. _____, isikan tempat-tempat kosong pada ayat-ayat itu. (Kemudian, Maka)
8. Tetamu kehormat menyampaikan ucapan alu-aluan. _____, beliau merasmikan majlis tersebut, (Meskipun, Selanjutnya).

Latihan 3

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan klausa yang diberikan.

dan sehelai selendang	yang dilukis oleh Vivian Lee	tatkala jam menunjukkan pukul 8 malam	sewaktu dia berusia lima tahun	atau ubi goreng
dengan menggunakan spanar	semoga kesihatan ibunya semakin pulih	semasa pulang dari sekolah	sambil mendengar lagu	kerana anaknya biadap

1. Salmah mempunyai dua pasang baju kurung _____
2. Saudara hendak membeli pisang goreng _____
3. Saya temampak rumah itu terbakar _____
4. Encik Azizul terkilan _____
5. Lukisan _____ sungguh cantik.
6. Razif menetap di Bangkok _____
7. Mekanik itu membuka tayar _____
8. Kakak membaca majalah _____
9. Bas dari Kelantan tiba _____
10. Kamarul berdoa kepada Tuhan _____

Latihan 1: Isikan tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan memilih perkataan yang sesuai disediakan.

bidang	untai	buah	cubit	biji
urat	kaki	kumpulan	patah	helai

1. Amin tidak mahu lagi makan di restoran itu kerana dia pernah menjumpai beberapa _____ rambut pada makanan yang dipesannya.
2. Dia bercakap terlalu perlahan, hanya beberapa _____ perkataan sahaja yang dapat didengar.
3. Kakak mengambil se _____ kalung mutiara dari kotak itu lalu memakainya ke pejabat.
4. Beberapa _____ penari telah dijemput untuk mempersembahkan tarian-tarian tradisional rakyat di Malaysia.
5. Selepas memasukkan se _____ garam ke dalam kualiti itu, Chin Fong pun menggoreng sayur tersebut perlahan-lahan.
6. Mak Tipah meminta se _____ kain buruk untuk mengelap lantai yang basah itu.
7. Dua _____ cendawan telah tumbuh di atas kayu buruk itu selepas hujan semalam.
8. Se _____ permata yang tersimpan di dalam almari kaca itu berharga beribu-ribu ringgit.
9. Bapa Harun mempunyai tiga _____ tanah yang ditanam dengan pokok buah-buahan seperti rambutan, durian, manggis, duku dan langsung.
10. Antara rumah-rumah yang berderet itu, hanya tiga _____ yang penghabisan sahaja yang musnah dalam kebakaran baru-baru ini.